



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

SONGKRAN SIMBOL KEPELBAGAIAN KHAZANAH WARISAN BUDAYA

KANGAR, 13 April 2026 – Perayaan Songkran adalah sebahagian daripada khazanah warisan budaya yang mencerminkan sejarah panjang dan keunikan masyarakat Siam di negara kita. Perkara tersebut dinyatakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara semasa menyempurnakan Majlis Perasmian Perayaan Etnik Siam Songkran Kebangsaan di sini.

Menteri Perpaduan Negara dalam ucapannya berkata, warisan budaya seperti Songkran adalah jambatan yang menghubungkan kita semua dalam satu identiti nasional yang utuh dan mencerminkan kekuatan Malaysia sebagai sebuah negara yang menjadikan kepelbagaian sebagai aset dan bukan sebagai perbezaan. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memelihara khazanah ini agar terus terpelihara, supaya generasi akan datang dapat mewarisi, menghargai dan berbangga dengan keunikan negara yang kita cintai ini.

“Saya juga berharap agar pihak media dapat memberikan tumpuan yang lebih kepada etnik Siam di Malaysia, memandangkan masih ramai yang kurang mengetahui kewujudan dan peranan komuniti ini dalam landskap masyarakat negara kita. Kekeliruan yang sering timbul, termasuk tanggapan bahawa etnik Siam hanya wujud di Thailand, perlu diperbetulkan melalui penyampaian maklumat yang tepat dan berterusan. Naratif kepelbagaian ini perlu diangkat secara lebih meluas agar masyarakat dapat memahami, menghargai dan seterusnya memperkukuh semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.”, tambah beliau.

Pada masa yang sama, Kerajaan MADANI melalui Kementerian Perpaduan Negara telah menyalurkan peruntukan khas sebanyak lebih RM 2 juta kepada masyarakat Siam sepanjang tempoh 2023 hingga 2025, khususnya untuk melaksanakan inisiatif berkaitan pendidikan bahasa ibunda, pemeliharaan kebudayaan, serta pengukuhan adat resam masyarakat Siam. Menteri Perpaduan Negara turut memberikan jaminan bahawa Kerajaan MADANI akan terus memperkasa dan memelihara kepelbagaian etnik di negara ini, termasuk komuniti Siam, melalui pendekatan inklusif yang menekankan perpaduan, pemeliharaan warisan budaya serta pemerikasaan sosioekonomi kerana kepelbagaian adalah sebahagian daripada aset negara yang menjadi kekuatan dan keunikan Malaysia.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

13 April 2026

KPN.100-9/1/16 (30)

